

## Bil. S 27 — PERLEMBAGAAN NEGERI BRUNEI, 1959

(Perintah di-bawah Bab 83)

Perintah Dzarurat (Paspot<sup>2</sup>), 1983

Pada menjalankan kuasa<sup>2</sup> yang di-berikan oleh Bab 83(3) dari Perlembagaan Negeri Brunei, 1959 maka Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan ini membuat Perintah yang berikut :—

- |  |   |
|--|---|
| Gelaran pendek dan permulaan kuatkuasa.  | 1. Perintah ini boleh di-gelar sa-bagai Perintah Dzarurat (Paspot <sup>2</sup> ), 1983.   |
| Tafsiran.  | 2. Di-dalam Perintah ini kechuali maksud-nya berkehendakkan makna yang lain —   |
| No. 23 tahun 1956  | <p>“Pengawal” bermakna Pengawal Imigeresen yang di-lantek di-bawah bab 3 dari Undang<sup>2</sup> Imigeresen, 1956 ;</p> <p>“kemasokan” dan “masok” bermakna kemasokan dan untuk memasoki dengan jalan darat, laut atau udara ;</p> <p>“pegawai imigeresen” mempunyai makna yang di-berikan kapada-nya dalam Undang<sup>2</sup> Imigeresen, 1956 ;</p> <p>“kapten” termasuk juruterbang sa-sabuah pesawat terbang ;</p>  |
| No. 5 tahun 1954   | <p>“pegawai kastam” mempunyai makna yang di-berikan kapada-nya dalam Undang<sup>2</sup> Kastam, 1954 ;</p> <p>“tuanpunya” berhubong dengan sa-sabuah kapal termasuk-lah sa-saorang penchatar ;</p> <p>“paspot” bermakna sa-suatu paspot yang sah yang telah di-keluarkan kapada sa-saorang oleh atau bagi pehak Kerajaan yang ia ada-lah sa-orang warganegara-nya dan termasuk apa jua bentok suratn pengenalan yang sah yang di-keluarkan bagi maksud perjalanan oleh mana<sup>2</sup> Kerajaan dan di-akui sa-bagai suratn perjalanan oleh Kerajaan Negara Brunei Darussalam ;</p> <p>“Peratoran<sup>2</sup> Paspot” bermakna peratoran<sup>2</sup> yang terkandung dalam Jadual ;</p> <p>“kapal” termasuk-lah sa-sabuah pesawat terbang.</p> |
| Mengemukakan paspot <sup>2</sup> manakala masok ka-Brunei atau berlepas dari Brunei. | 3. (1) Tiap <sup>2</sup> orang yang memasoki Brunei dari mana <sup>2</sup> tempat di-luar Brunei hendak-lah mengemukakan kapada sa-saorang pegawai imigeresen sa-suatu paspot ; dan paspot itu hendak-lah, berkenaan dengan sa-saorang sa-lain dari sa-saorang warganegara Brunei mempunyai visa yang sah bagi Brunei yang di-keluarkan atas kebenaran dan oleh atau bagi pehak Kerajaan Negara Brunei Darussalam.  |

(2) Tiap2 orang yang meninggalkan Brunei untok pergi ka-sabua tempat di-luar Brunei hendak-lah, jika di-kehendaki berbuat demikian oleh sa-sorang pegawai imigeresen mengemukakan kapada pegawai itu sa-suatu paspot.

(3) Sa-sorang pegawai imigeresen boleh, berhubong dengan sa-barang paspot yang di-kemukakan di-bawah bab ini, mengajukan kapada sa-siapa jua orang yang mengemukakan paspot itu soalan2 sa-bagaimana yang di-fikirkan perlu ; dan orang itu hendak-lah menjawab soalan2 itu dengan benar.

(4) Sa-sorang pegawai imigeresen boleh membuat di-dalam sa-barang paspot yang di-kemukakan di-bawah bab ini sa-suatu chatitan sa-bagaimana yang di-fikirkan patut.

4. Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh dengan perintah mengechualikan sa-siapa jua orang atau golongan orang2 dari bab 3 dan apa jua pengechualian sa-demikian boleh terta'alok kapada syarat2 sa-bagaimana yang Baginda boleh mengarahkan dan boleh di-kekalkan atau bagi sa-lama sa-suatu tempoh yang terhad.

Pengechualian.

5. (1) Dengan tidak menyentoh sa-barang hukuman yang boleh dikenakan ka-atas-nya oleh Perintah ini, sa-sorang yang memasoki Brunei yang berlawanan dengan Perintah ini boleh, atas perintah bagi maksud itu yang di-buat oleh Pengawal, di-usir dari Brunei.

Pengusiran orang2 yang memasoki Brunei dengan menyalahi undang2.

Dengan syarat bahawa tiada sa-barang perintah sa-demikian boleh di-kenakan kapada sa-sorang warganegara Brunei.

(2) Sa-suatu perintah yang di-buat oleh Pengawal di-bawah cheraian (1), boleh mempersyaratkan bagi penahanan dalam kurongan, sa-lama sa-suatu tempoh yang mungkin perlu bagi maksud membuat penyusunan bagi pengusiran-nya, akan orang yang kapada siapa perintah itu di-kenakan ; dan orang itu boleh menurut perintah tersebut di-tahan sama ada di-dalam sa-sabua penjara atau di-mana2 tempat lain yang di-tentukan oleh Pengawal bagi maksud itu.

(3) Sa-siapa jua orang yang kapada siapa sa-suatu perintah di-bawah cheraian (1) di-kenakan boleh di-bawa ka-seberang sempadan atau di-tarohkan dalam sa-sabua kapal yang sesuai oleh sa-sorang pegawai imigeresen, pegawai polis atau pegawai kastam, dan boleh di-tahan dengan sah-nya dalam kapal itu dalam tempoh yang kapal itu berada dalam kawasan Brunei atau laut wilayah negeri-nya.

6. (1) Jika sa-suatu perintah yang di-buat di-bawah bab 5(1) dikenakan kapada sa-sorang yang telah di-bawa masok ka-Brunei dalam sa-sabua kapal, maka kapten kapal itu dan kapten mana2 kapal lain kepunyaan tuannya yang sama hendak-lah, jika di-kehendaki oleh Pengawal dan terta'alok kapada cheraian (2), menerima orang itu dalam kapal-nya dan memberikan-nya pelayaran perchuma ka-pelabuhan atau tempat di-mana orang itu telah menaiki kapal, dan tempat tinggal dan penjagaan yang wajar sa-masa dalam pelayaran.

Perbelanjaan bagi pengusiran.

(2) Kehendak yang di-sebutkan di-bawah cheraian (1) tidak-lah mempunyai sa-barang kuatkuasa melainkan ia-nya di-buat dalam masa 2 tahun dari tarikh-nya yang orang yang di-sebutkan tadi memasoki Brunei.

(3) Kapten sa-sabuah kapal yang gagal mematohi cheraian (1) ada-lah bersalah dan boleh, jika di-thabitkan kesalahan-nya, di-kenakan hukum denda yang tidak melebihi sa-ribu ringgit atau hukum penjara sa-lama sa-suatu tempoh yang tidak melebihi enam bulan atau kedua2 hukuman.

Tuanpunya2 dan kapten2 kapal boleh di-kenakan bayaran perbelanjaan.

7. Kapten dan tuanpunya2 dan ejen2 mana2 kapal daripada mana sa-siapa jua orang memasoki Brunei yang berlawanan dengan Perintah ini boleh bersama2 dan masing2-nya di-kenakan bayaran semua perbelanjaan yang telah di-lakukan oleh Kerajaan dalam menahan dan menjaga orang itu sementara menunggukan pembuangan negeri ; dan perbelanjaan itu boleh di-perolehi kembali sa-bagai sa-suatu hutang yang kena di-bayar kapada Kerajaan daripada kapten, tuanpunya dan ejen2-nya.

Kapten sa-sabuah kapal boleh mencheгах kemasokan yang menyalahi undang2 ka-Brunei.

8. Kapten sa-sabuah kapal boleh menggunakan segala chara yang munasabah lagi wajar (termasok kekerasan jika perlu) untok mencheгах sa-siapa jua orang dari memasoki Brunei yang berlawanan dengan Perintah ini.

Tanggung-jawab membuktikan.

9. Jika sa-barang soalan berbangkit dalam apa jua perbicharaan di-bawah Perintah ini atau berkenaan dengan sa-barang apa yang di-lakukan atau di-chadang akan di-lakukan di-bawah Perintah ini, tentang sama ada sa-saorang itu —

- (a) ada-lah sa-orang warganegara Brunei atau bukan ; atau
- (b) termasuk dalam mana2 golongan orang2 tertentu yang terkechuali dari mana2 dari sharat2 Perintah ini,

maka tanggung-jawab membuktikan bahawa orang itu ada-lah sa-orang warganegara Brunei atau bahawa ia termasuk dalam golongan tersebut, mengikut mana yang berkenaan, ada-lah terletak kapada orang itu.

Kuasa2 menangkap.

10. Sa-siapa jua orang yang memasoki atau chuba memasoki atau dengan munasabah di-shaki telah memasoki Brunei dengan melanggar Perintah ini boleh di-tangkap tanpa waran oleh sa-siapa jua pegawai imigeresen, pegawai polis atau pegawai kastam.

Kuasa untok membuat peratoran2.

11. (1) Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh dengan peratoran2 dari masa ka-samasa meminda, menambah kapada atau membatalkan Peratoran2 Paspot dan membuat peratoran2 bagi semua maksud atau mana2 dari maksud2 yang berikut :—

- (a) melantek pegawai2 yang di-benarkan yang boleh mengeluarkan, membaharui atau menchatit sa-suatu paspot ;
- (b) memberi kuasa kepada pegawai2 untok mengeluarkan, membaharui dan menchatit sa-suatu paspot dan untok memberikan sa-suatu visa di-dalam sa-barang suratn perjalanan yang mengkehendaki visa bagi Brunei ;
- (c) memberi kuasa kepada pehak berkuasa yang boleh membenarkan borang2 yang akan di-gunakan bagi pengeluaran, pembaharuan dan penchatitan sa-suatu paspot dan juga borang2 yang akan di-gunakan bagi pemberian sa-suatu visa ;
- (d) menetapkan bayaran2 yang akan di-kenakan berhubung dengan pengeluaran, pembaharuan atau penchatitan sa-suatu paspot atau bagi pemberian visa bagi Brunei ;
- (e) memberi kuasa kepada pegawai2 untok memberikan pengechualian dari pembayaran bayaran2 di-bawah syarat2 dari sa-barang peratoran2 yang di-buat di-bawah Perintah ini ;
- (f) menetapkan syarat2 dan penentuan2 terta'alok kepada mana sa-siapa jua orang boleh di-berikan sa-suatu paspot ;
- (g) memberi kuasa kepada pegawai2 yang boleh menjadikan tidak sah, membatalkan, menarek balek dan mengambil milek sa-mula sa-suatu paspot yang telah di-jadikan tidak sah atau di-batalkan ;
- (h) memberi kuasa kepada pegawai2 yang boleh membatalkan sa-barang visa, pembaharuan atau penchatitan sa-suatu paspot ;
- (i) memberi kuasa kepada pegawai2 untok menuntut penyerahan sa-suatu paspot yang telah di-batalkan atau di-jadikan tidak sah yang mengandongi sa-barang visa, pembaharuan atau penchatitan yang telah di-batalkan atau di-jadikan tidak sah ;
- (j) menetapkan tatachara-nya untok menahan, mengambil milek sa-mula atau mendapatkan kembali sa-barang paspot ;
- (k) mengadakan syarat bagi penangkapan, penahanan dan pendakwaan sa-siapa jua orang yang melanggar syarat2 dari sa-barang peratoran2 yang di-buat di-bawah Perintah ini ;
- (l) menentukan bagi pemereksaan sa-siapa jua orang, bangunan, kapal, pesawat terbang atau kenderaan dan

untuk merampas atau memperolehi kembali bokti keterangan mengenai perlakuan sa-barang kesalahan yang di-lakukan di-bawah sa-barang peratoran2 yang di-buat di-bawah Perintah ini ;

- (m) menentukan larangan-nya bagi sa-siapa jua orang atau golongan orang2 dari memasoki atau meninggalkan Brunei dengan jalan darat, laut atau udara tanpa mengemukakan sa-suatu paspot dan bagi menguatkuasakan larangan2 sa-demikian dengan mengkehendaki jawapan2 kapada pertanyaan2 dan bagi penyerahan sa-barang paspot ;
- (n) menentukan tatachara-nya yang akan diikuti dan bayaran2 serta kos2-nya yang akan di-bayar manakala merayu di-bawah sharat2 dari sa-barang peratoran2 yang di-buat di-bawah Perintah ini ;
- (o) menetapkan hukuman2 yang tidak melebihi hukuman penjara bagi sa-suatu tempoh sa-lama enam bulan atau sa-suatu denda yang tidak melebihi dua ribu ringgit atau kedua2 hukuman penjara dan denda tersebut kerana melanggar sa-barang peratoran2 yang di-buat di-bawah Perintah ini.

(2) Semua peratoran2 yang di-buat di-bawah cheraian (1) dari bab ini hendak-lah di-siarkan dalam *Warta Kerajaan*.

Kesalahan2.

12. (1) Sa-siapa jua orang yang —

- (a) memalsukan, menukar atau mengubah kandungan sa-barang paspot atau suratn perjalanan dalam negeri, atau sa-barang visa atau chatitan di-dalam-nya, atau tanpa kebenaran yang sah menggunakan atau chuba menggunakan, atau mempunyai pada milek-nya, sa-barang paspot atau suratn perjalanan dalam negeri yang telah di-palsukan, di-tukar atau di-ubah kandungan-nya demikian ;
- (b) membuat sa-barang suratn palsu dengan tujuan hendak menggunakan suratn itu sa-bagai sa-suatu paspot bagi maksud Perintah ini, atau menggunakan suratn tersebut bagi maksud itu ;
- (c) menyamar atau mengaku diri-nya dengan palsu sa-bagai atau bukan sa-bagai sa-saorang yang kapada siapa sa-suatu paspot atau suratn perjalanan dalam negeri telah di-keluarkan dengan sa-wajar-nya ;
- (d) dengan tujuan untuk memperolehi bagi diri-nya sendiri atau sa-siapa jua orang lain sa-suatu paspot, suratn perjalanan dalam negeri, atau sa-suatu chatitan atau visa di-dalam sa-suatu paspot, dengan sa-tahu-nya

membuat apa jua kenyataan yang palsu atau mengemukakan sa-barang suratan yang mana pada pengetahuan-nya ada-lah palsu dalam sa-barang perkara tertentu ;

- (e) tanpa kebenaran yang sah, mempunyai pada milek-nya sa-barang paspot atau surat perjalanan dalam negeri yang telah di-perolehi akibat dari membuat kenyataan mustahak yang palsu atau mengelirukan, atau akibat dari mengemukakan keterangan palsu ;
- (f) membenarkan sa-siapa jua orang supaya memiliki sa-barang paspot yang telah di-keluarkan bagi kegunaannya sendiri, dengan tujuan atau dengan sa-tahu-nya bahawa paspot itu boleh di-gunakan oleh sa-siapa jua orang lain ;
- (g) tanpa kebenaran yang sah, mempunyai pada milek-nya sa-barang paspot atau surat perjalanan dalam negeri yang telah di-keluarkan bagi kegunaan sa-saorang sa-lain dari diri-nya sendiri ;
- (h) dengan sengahaja membuat sa-siapa jua orang supaya memasoki Brunei yang bertentangan dengan Perintah ini ;
- (i) dengan sengahaja membantu sa-siapa jua orang supaya melanggar Perintah ini ;
- (j) menghalang atau mengganggu sa-siapa jua pegawai imigresen, pegawai polis atau pegawai kastam dalam melaksanakan kewajipan-nya di-bawah Perintah ini ;
- (k) chuba melakukan atau mensubahati perlakuan sa-barang kesalahan di-bawah Perintah ini,

ada-lah bersalah dan boleh, jika di-thabitkan kesalahan-nya, dikenakan hukum denda yang tidak melebihi sa-puluh ribu ringgit dan hukum penjara sa-lama sa-suatu tempoh yang tidak melebihi lima tahun.

(2) Sa-siapa jua orang yang melanggar mana2 dari syarat2 Perintah ini, ada-lah bersalah dan boleh, jika tiada sa-barang hukuman lain yang di-persyaratkan oleh Perintah ini, dikenakan, jika di-thabitkan kesalahan-nya, hukum denda yang tidak melebihi lima ribu ringgit dan dan hukum penjara sa-lama sa-suatu tempoh yang tidak melebihi tiga tahun.

13. Sa-suatu paspot (termasok Paspot British) atau sa-barang visa atau chatitan yang di-keluarkan atau di-berikan di-bawah sa-barang undang2 bertulis atau penyusunan berhubung dengan paspot2 sa-belum berjalan-nya kuatkuasa Perintah ini ada-lah terus berkuatkuasa melainkan di-batalkan di-bawah syarat2 dari sa-barang peratoran2 di-bawah Perintah ini.

Sharat2  
peralehan.

Pengechualian. 14. Syarat2 dari Perintah ini ada-lah sa-bagai tambahan kepada dan tidak melemahkan syarat2 dari sa-barang undang2 yang pada masa itu berkuatkuasa berhubung dengan imigeresen.

Pemansokhan Penggal 16. 15. Undang2 Paspot (Passports Enactment) ada-lah dengan ini di-mansokhan.

Di-perbuat pada 14 haribulan Disember, sa-ribu sembilan ratus delapan puluh tiga di-Istana Darul Hana Beta, Bandar Seri Begawan, Brunei.

HASSANAL BOLKIAH  
Duli Yang Maha Mulia  
Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

### JADUAL

#### PERATORAN2 PASPOT2, 1983

Gelaran. 1. Peratoran2 ini boleh di-gelar sa-bagai Peratoran2 Paspot2, 1983.

Ta'arif. 2. Di-dalam Peratoran2 ini —

“pegawai yang di-benarkan”, berhubung dengan apa jua perkara bermakna sa-saorang pegawai yang di-benarkan bagi maksud itu oleh Menteri Besar dan termasuk-lah sa-saorang wakil seberang laut ;

“paspot Brunei” bermakna paspot yang di-keluarkan oleh Kerajaan kepada sa-saorang yang mempunyai taraf warganegara Brunei ;

“Pengawal” bermakna Pengawal Imigeresen yang di-lantek di-bawah bab 3 dari Undang2 Imigeresen, 1956 ;

“masuk” bermakna memasoki dengan jalan darat, laut atau udara ;

“pegawai imigeresen” mempunyai makna yang di-berikan kepada-nya di-bawah Undang2 Imigeresen, 1956 ;

“meninggalkan” bermakna meninggalkan dengan jalan darat, laut atau udara ;

“wakil seberang laut” bermakna sa-saorang pegawai diplomatik atau konsol kerajaan di-mana2 negeri asing ;

“suratan perjalanan” termasuk-lah sa-suatu suratan pengenalan sama ada di-keluarkan oleh Kerajaan Brunei atau mana2 negeri lain, dan mempunyai chiri2 paspot.

3. Perjalanan sa-barang kuasa atau tugas oleh sa-saorang pegawai yang di-benarkan di-bawah Peratoran2 ini ada-lah dalam semua perkara terta'alok kapada apa jua arahan dari Mentri Besar. Pegawai2 yang di-benarkan.
4. (1) Sa-suatu permohonan bagi mendapatkan paspot Brunei atau Sijil Pengenalan Antarabangsa atau Sijil Pengenalan 'Am atau Sijil Dharurat bagi maksud2 perjalanan, atau bagi pembaharuan atau penchatitan sa-suatu paspot Brunei, atau bagi mendapatkan visa bagi Brunei hendak-lah di-buat kapada sa-saorang pegawai yang di-benarkan menurut sa-suatu chara yang di-luluskan oleh Pengawal. Permohonan2 bagi mendapatkan paspot2.
- (2) Sa-saorang pegawai yang di-benarkan boleh mengkehendaki sa-saorang pemohon supaya memberikan sa-suatu keterangan lanjut berhubung dengan sa-barang permohonan di-bawah Peratoran2 ini sabagaimana yang pegawai itu menganggap perlu.
5. (1) Terta'alok kapada Peratoran2 ini dan apa jua arahan tertentu atau 'am yang di-keluarkan oleh Mentri Besar, sa-saorang pegawai yang di-benarkan boleh mengeluarkan paspot2 Brunei. Pengeluaran paspot2.
- (2) Paspot2 Brunei hendak-lah di-keluarkan atas nama Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan ada-lah sah sa-lama sa-suatu tempoh yang tidak melebihi sa-puluh tahun.
6. (1) Sa-saorang pegawai yang di-benarkan boleh, dari masa kasamasa, membaharui sa-suatu paspot Brunei bagi sa-lama tempoh2 yang berturut2 sa-lanjut-nya yang tidak melebihi lima tahun dari tarikh habis tempoh-nya : Pembaharuan paspot2 Brunei.
- Dengan syarat bahawa tempoh sah-nya paspot itu tidak boleh dalam apa jua perkara melebihi sa-puluh tahun dari tarikh pengeluaran asal-nya.
- (2) Sa-suatu paspot Brunei tidak boleh di-perbaharui dalam apa jua perkara jika ruang di-dalam-nya bagi visa2 sudah habis dipergunakan.
7. Jika sa-saorang pemohon bagi mendapatkan paspot Brunei sudah pun di-keluarkan paspot dahulu-nya, maka ia hendak-lah, atas tuntutan oleh sa-saorang pegawai yang di-benarkan, mengemukakan paspot itu bagi pembatalan sa-belum paspot baharu di-keluarkan. Pembatalan paspot2 yang telah di-keluarkan dahulu-nya.
8. Sa-siapa jua orang yang tidak berpuashati dengan keengganan pegawai yang di-benarkan untok mengeluarkan kapada-nya paspot Brunei di-bawah perenggan (1) peratoran 5 dari Peratoran2 ini boleh, dalam masa tiga puloh hari dari pemberitahuan mengenai keengganan sa-demikian, merayu dengan permohonan sa-chara bertulis kapada Mentri Besar keputusan siapa ka-atas-nya ada-lah muktamad. Rayuan2 terhadap keengganan untok mengeluarkan paspot2 Brunei.
9. (1) Pengawal boleh membatalkan sa-barang paspot Brunei jika di-arahkan demikian oleh Mentri Besar dan paspot sa-demikian adalah manakala itu menjadi tidak sah, dan orang yang mempunyai pada Kuasa untok membatalkan paspot2 Brunei.



milek-nya atau di-bawah kawalan-nya sa-barang paspot sa-demikian hendak-lah, atas tuntutan oleh sa-saorang pegawai imigeresen atau sa-saorang pegawai polis yang tidak rendah dari pangkat Merinyu atau sa-saorang pegawai yang di-benarkan, dengan serta merta menyerahkan-nya kepada pegawai tersebut.

(2) Apa jua visa, pembaharuan atau penchatitan sa-suatu paspot Brunei yang telah di-berikan atau di-buat menurut atau sa-belum tarikh berjalan-nya kuat-kuasa Peratoran2 ini boleh di-batalkan oleh sa-saorang pegawai yang di-benarkan dan manakala itu visa, pembaharuan atau penchatitan itu ada-lah tidak sah.

(3) Sa-siapa jua orang yang tidak berpuashati dengan keputusan sa-saorang pegawai yang di-benarkan terhadap pembatalan paspot-nya atau sa-barang visa, pembaharuan atau penchatitan yang di-buat di-dalam-nya boleh, dalam masa tiga puluh hari dari pemberitahuan mengenai pembatalan sa-demikian, merayu dengan permohonan sa-chara bertulis kepada Menteri Besar keputusan siapa ka-atas-nya ada-lah muktamad.

Sijil  
Pengenalan.

10. (1) Sa-saorang pegawai yang di-benarkan boleh mengeluarkan sa-suatu Sijil Pengenalan Antarabangsa dalam bentok yang di-perkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan bagi maksud2 perjalanan kepada sa-siapa jua orang yang bukan warganegara mana2 negeri atau tidak boleh mendapat sa-suatu paspot daripada sa-saorang wakil konsol negeri yang ia menuntut sa-bagai sa-orang warganegara-nya.

(2) Jika sa-suatu Sijil Pengenalan Antarabangsa di-keluarkan di-bawah perenggan (1) dari peratoran ini bagi sa-lama sa-suatu tempoh tertentu, maka sa-saorang pegawai yang di-benarkan boleh mem-baharui sijil atau suratn pengenalan itu bagi sa-lama tempoh2 yang berturut2 sa-bagaimana yang pegawai yang di-benarkan itu memikirkan patut :

Dengan syarat bahawa tempoh sah-nya Sijil Pengenalan Antarabangsa tersebut tidak boleh dalam apa jua perkara pun melebihi sa-puluh tahun dari tarikh pengeluaran asal-nya.

Sijil  
Pengenalan  
'Am.

11. (1) Sa-saorang pegawai yang di-benarkan boleh mengeluarkan sa-suatu Sijil Pengenalan 'Am dalam bentok yang di-perkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda dan Yang Di-Pertuan bagi maksud2 perjalanan kepada sa-orang yang menjadi warganegara Brunei dalam apa jua perkara jika, pada pendapat pegawai yang di-benarkan itu, tidak-lah perlu atau tidak-lah di-ingini untuk mengeluarkan paspot Brunei kepada orang itu.

(2) Jika sa-suatu Sijil Pengenalan 'Am di-keluarkan di-bawah perenggan (1) dari peratoran ini bagi sa-lama sa-suatu tempoh tertentu, maka sa-saorang pegawai yang di-benarkan boleh mem-baharui suratn pengenalan itu bagi sa-lama sa-suatu tempoh sa-lanjut-nya sa-bagaimana yang pegawai yang di-benarkan itu memikirkan patut :

Dengan syarat bahawa tempoh sah-nya Sijil Pengenalan 'Am tersebut tidak boleh dalam apa jua perkara pun melebihi 10 tahun dari tarikh pengeluaran asal-nya.

12. Sa-saorang pegawai yang di-benarkan boleh menchatit sa-suatu paspot Brunei, Sijil Pengenalan Antarabangsa atau Sijil Pengenalan 'Am sa-lepas pengeluaran paspot, sijil tersebut —

Penchatitan paspot2, dsb.

- (a) untok menjadikan sah bagi perjalanan ka-negeri2 untok mana ia-nya tidak sah ;
- (b) untok memasokkan butir2 mengenai anak2 pemegang-nya, jika ada, atau butir2 lain sa-bagaimana yang pegawai itu memikirkan patut untok memasokkan.

13. Sa-siapa jua pegawai imigeresen atau pegawai polis yang tidak rendah dari pangkat Merinyu atau wakil seberang laut boleh mengambil milek sa-barang paspot Brunei yang telah di-batalkan atau sa-barang paspot yang mengandongi visa, pembaharuan atau chatitan yang telah di-batalkan, dan sa-siapa jua orang yang mempunyai pada milek-nya atau di-bawah kawalan-nya sa-barang paspot sa-demikian hendak-lah, atas tuntutan oleh pegawai atau wakil tersebut, dengan serta merta menyerahkan paspot itu kepada-nya.

Kuasa untok mengambil milek paspot2.

14. (1) Sa-siapa jua pegawai imigeresen atau sa-saorang pegawai polis yang tidak rendah dari pangkat Merinyu boleh tanpa waran dan dengan atau tanpa bantuan —

Kuasa untok menggeledah dan untok mengambil milek paspot yang telah di-batalkan.

- (a) memasoki dan menggeledah mana2 bangunan ;
- (b) menahan dan menggeledah mana2 kapal, kenderaan, orang atau bangunan atau menggeledah mana2 pesawat terbang sama ada di-tempat awam atau bukan,

jika ia mempunyai alasan2 yang munasabah untok memperchayai bahawa sa-barang paspot Brunei yang telah di-batalkan atau sa-barang paspot yang mengandongi visa, pembaharuan atau chatitan yang telah di-batalkan boleh di-jumpai di-dalam kapal, kenderaan, pada orang, bangunan atau pesawat terbang tersebut.

(2) Tiada sa-barang perempuan boleh di-pereksa di-bawah peratoran ini kechuali oleh sa-saorang perempuan.

15. (1) Sa-siapa jua orang yang memegang paspot Brunei atau Sijil Pengenalan Antarabangsa atau Sijil Pengenalan 'Am atau Sijil Dzarurat yang telah di-perolehi atau dengan munasabah di-shaki oleh sa-saorang pegawai imigeresen atau pegawai polis yang tidak rendah dari pangkat Merinyu atau wakil seberang laut telah di-perolehi dengan chara apa jua keterangan yang palsu atau mengelirukan, hendak-lah atas tuntutan oleh pegawai atau wakil tersebut dengan serta merta menyerahkan-nya kepada-nya.

Kuasa untok memerintahkan paspot supaya di-serahkan.

(2) Sa-siapa jua orang yang memasoki atau meninggalkan Brunei yang memileki paspot Brunei hendak-lah, jika di-kehendaki oleh sa-saorang pegawai imigeresen atau pegawai polis yang tidak rendah dari pangkat Merinyu, menyerahkan paspot-nya kepada pegawai tersebut sa-belum ia memasoki atau meninggalkan Brunei.

(3) Jika sa-siapa jua orang yang di-nyatakan dalam perenggan (2) dari peratoran ini di-benarkan menyimpan paspot-nya manakala memasoki Brunei, maka ia hendak-lah, jika di-kehendaki oleh sa-saorang pegawai imigeresen atau pegawai polis yang tidak rendah dari pangkat Merinyu, pada bila2 masa, menyerahkan-nya kepada pegawai tersebut.

(4) Sa-suatu paspot yang telah di-serahkan kepada sa-saorang pegawai imigeresen atau pegawai polis yang tidak rendah dari pangkat Merinyu atau wakil seberang laut menurut syarat2 dari peratoran ini boleh, terta'alok kepada apa jua arahan oleh Menti Besar, di-simpan oleh pegawai tersebut atau di-kembalikan kepada pehak berkuasa yang mengeluarkan-nya atau di-kembalikan kepada orang yang menyerahkan-nya, sa-bagaimana yang pegawai atau wakil tersebut memikirkan patut.

Pengambilan  
jaminan.

16. Sa-saorang pegawai yang di-benarkan boleh, sa-bagai satu syarat pengeluaran paspot Brunei, Sijil Pengenalan Antarabangsa atau Sijil Pengenalan 'Am bagi maksud2 perjalanan, mengkehendaki sa-suatu jaminan, sama ada dengan wang tunai sa-bagai chengkeram atau lain, sa-bagaimana yang di-fikirkan-nya patut, supaya di-berikan oleh atau bagi pehak pemohon, sa-bagai jaminan bahawa orang yang kepada siapa paspot, Sijil Pengenalan Antarabangsa atau Sijil Pengenalan 'Am sa-demikian di-keluarkan hendak-lah balek ka-Brunei pada atau sa-belum habis tempoh paspot, Sijil Pengenalan Antarabangsa atau Sijil Pengenalan 'Am tersebut atau hendak-lah mematohi sa-barang syarat lain terta'alok kepada mana ia-nya di-keluarkan.

Perluchutan  
hak terhadap  
jaminan.

17. (1) Jika sa-saorang pegawai yang di-benarkan berpuashati bahawa pemegang sa-barang paspot Brunei, Sijil Pengenalan Antarabangsa atau Sijil Pengenalan 'Am bagi maksud2 perjalanan yang telah di-keluarkan di-bawah syarat2 dari Peratoran2 ini telah melanggar atau gagal mematohi sa-barang syarat terta'alok kepada mana Paspot Brunei, Sijil Pengenalan Antarabangsa atau Sijil Pengenalan 'Am tersebut telah di-keluarkan, maka ia boleh mengarahkan perluchutan hak terhadap sa-suatu jaminan atau mana2 bahagian daripadanya.

(2) Notis mengenai perluchutan hak terhadap sa-barang jaminan atau sa-bahagian daripadanya hendak-lah di-sampaikan kepada pemegang paspot Brunei, Sijil Pengenalan Antarabangsa atau Sijil Pengenalan 'Am tersebut.

(3) Apa jua notis yang di-sebutkan dalam perenggan (2) dari peratoran ini yang di-kehendaki supaya di-sampaikan kepada sa-siapa jua orang boleh di-sampaikan dengan mengirinkan-nya melalui pos

dalam surat berdaftar yang di-bayar terlebih dahulu yang di-alamatkan kepada orang itu di-alamat biasa-nya atau yang terakhir diketahui dan orang itu ada-lah di-anggap telah menerima notis sa-demikian.

18. Jika sa-saorang pegawai yang di-benarkan mengkehendaki jaminan dengan chara bon di-bawah peratoran ini maka bon sa-demikian hendak-lah sa-jenis yang di-benarkan oleh Pengawal. Jenis Bon.
19. Sa-saorang pegawai yang di-benarkan boleh menchatit sa-suatu visa di-dalam sa-barang paspot yang mengkehendaki visa Brunei. Visa2.
20. Visa yang di-sebutkan dalam Peratoran2 ini ada-lah, kechuali yang lain di-nyatakan di-dalam-nya, sah bagi sa-kali perjalanan sahaja dalam tempoh sah-nya. Sah-nya visa2.
21. (1) Tiap2 paspot atau surat perjalanan hendak-lah menyatakan nama dan kewarganegaraan orang yang berhubong dengan-nya dan hendak-lah mengandongi gambar foto-nya. Butir2 yang di-kehendaki dalam paspot2.
- (2) Sa-saorang pegawai imigeresen boleh, dalam apa jua perkara dan terta'alok kepada sharat2 sa-bagaimana yang ia mungkin memikirkan patut untok mengenakan, mengechualikan keperluan bagi paspot atau surat perjalanan itu supaya mengandongi sa-suatu gambar foto.
22. Sa-siapa jua orang yang melanggar sharat2 peratoran 9, 13 atau 15 dari Peratoran2 ini ada-lah bersalah di-bawah Peratoran2 ini. Kesalahan2.
23. Sa-siapa jua orang yang memasokki Brunei yang bertentangan dengan sharat2 dari Peratoran2 ini ada-lah bersalah di-bawah Peratoran2 ini. Kemasokan yang bertentangan dengan Peratoran2 ini.
24. Sa-siapa jua orang yang bersalah di-bawah Peratoran2 ini boleh jika di-thabitkan kesalahan-nya di-kenakan hukum penjara sa-lama sa-suatu tempoh yang tidak melebihi enam bulan atau hukum denda yang tidak melebihi dua ribu ringgit atau kedua2 hukuman penjara dan denda tersebut. Hukuman.
25. Sa-siapa jua orang yang chuba untok melakukan atau mensubahati perlakuan sa-suatu kesalahan yang boleh di-kenakan hukuman di-bawah Peratoran2 ini hendak-lah di-hukum dengan chara yang sama saperti sa-olah2 ia telah melakukan kesalahan itu. Perchubaan untok melakukan atau mensubahati.
26. (1) Terta'alok kepada perenggan (2) dari peratoran ini, bayaran2, menurut Tambahan kepada Peratoran2 ini, boleh di-kenakan pembayaran dahulu berkenaan dengan beberapa perkara yang di-sebutkan di-dalam-nya. Bayaran2.

(2) Sa-saorang pegawai yang di-benarkan boleh dengan kebenaran Mentri Besar memberi pengecualian<sup>2</sup> dari pembayaran bayaran<sup>2</sup> di-bawah Peratoran<sup>2</sup> ini berkenaan dengan orang<sup>2</sup> yang berikut :—

- (a) orang<sup>2</sup> yang berkenaan dengan siapa pegawai yang di-benarkan berpendapat bahawa memandangkan kepada perihal<sup>2</sup> yang istimewa maka tidak-lah di-kehendaki supaya sa-barang bayaran sa-mesti-nya di-kenakan ;
- (b) orang<sup>2</sup> yang di-hantar pulang ka-negeri asal-nya atau di-singkirkan dari Brunei atau mana<sup>2</sup> negeri lain dengan perbelanjaan kerajaan.

Kuasa<sup>2</sup>  
menangkap.

27. (1) Sa-siapa jua pegawai imigeresen atau sa-saorang pegawai polis yang tidak rendah dari pangkat Merinyu boleh menangkap tanpa waran sa-siapa jua orang yang ia dengan munasabah memperchayai telah melakukan sa-suatu kesalahan terhadap Peratoran<sup>2</sup> ini.

(2) Sa-siapa jua orang yang memasoki atau chuba memasoki atau dengan munasabah di-shaki telah memasokki Brunei yang berlawanan dengan Peratoran<sup>2</sup> ini boleh di-tangkap dan di-kurong oleh sa-saorang pegawai imigeresen atau sa-saorang pegawai polis yang tidak rendah dari pangkat Merinyu.

(3) Jika sa-siapa jua orang di-tangkap oleh sa-saorang pegawai imigeresen di-bawah syarat<sup>2</sup> perenggan (1) atau (2) dari peratoran ini, maka pegawai yang melakukan penangkapan itu hendak-lah mematohi syarat<sup>2</sup> dari Undang<sup>2</sup> Peratoran Jenayah (Criminal Procedure Code) sa-olah<sup>2</sup> ia-nya ada-lah sa-saorang pegawai polis.

Kebenaran  
bagi pegawai  
imigeresen  
untuk  
menangkap  
dan  
mendakwa.

28. (1) Tiap<sup>2</sup> pegawai imigeresen ada-lah mempunyai kebenaran dan kuasa<sup>2</sup> sa-saorang pegawai polis yang tidak rendah dari pangkat Merinyu untuk menguatkuasakan mana<sup>2</sup> dari syarat<sup>2</sup> dari Peratoran<sup>2</sup> ini atau sa-barang peratoran<sup>2</sup> lain yang di-buat di-bawah Undang<sup>2</sup> Paspot<sup>2</sup> berhubong dengan penangkapan dan penahanan.

(2) Tiap<sup>2</sup> pegawai imigeresen kanan ada-lah mempunyai kebenaran untuk hadir di-Mahkamah dan menjalankan apa jua pendakwaan berkenaan dengan sa-barang kesalahan terhadap Peratoran<sup>2</sup> ini atau sa-barang peratoran<sup>2</sup> lain yang di-buat di-bawah Undang<sup>2</sup> Paspot<sup>2</sup>.

Pengecualian.

29. Tiada sa-barang apa pun di-dalam Peratoran<sup>2</sup> ini boleh di-tafsirkan sa-bagai mengurangkan apa jua kuasa yang di-berikan oleh sa-barang undang<sup>2</sup> bertulis yang lain mengenai kemasokan dan ketibaan sa-siapa jua orang di-Brunei.

## TAMBAHAN

## BAYARAN2

- (a) Bayaran2 bagi paspot atau suratn lain yang dinyatakan di-bawah
- |   |  |
|---|--|
| Paspot Brunei (sah sa-penoh-nya sa-lama 10 tahun)                 | \$50                                       |
| Pembaharuan Paspot Brunei   | \$5 sa-tahun sa-hingga lima tahun maksima. |
| Paspot Diplomatik atau Paspot Rasmi                               | Perchuma.                                  |
| Sijil Pengenalan Antarabangsa (sah-nya tidak melebihi lima tahun) | \$20                                       |
| Pembaharuan Sijil Pengenalan Antarabangsa                         | \$4 sa-tahun.                              |
| Sijil Pengenalan 'Am (sah sa-penoh-nya)                           | \$30                                       |
| Sijil Dzarurat (sah sa-lama enam bulan)                           | \$10                                       |
- (b) Bayaran2 bagi —
- |  |           |
|--|-----------|
| Visa biasa yang standard   | \$15      |
| Kemasokan berulangkali (sah-nya tidak melebihi 3 bulan)                        | \$20      |
| Kemasokan berulangkali (sahnya melebihi 3 bulan tetapi tidak melebihi 1 tahun) | \$30      |
| Visa jalan-lalu  | \$1       |
| Visa bersama (atau kumpulan) biasa yang standard                               | \$20      |
| Visa Diplomatik, Rasmi atau Penghormatan                                       | Perchuma. |